


Praktis 2

Tema Buku Teks: Sukan dan Rekreasi

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

Lengkapkan ulasan yang diberikan dengan ayat yang sesuai.

Faedah Bersukan



Rangka Ulasan

Pendahuluan

Sukan – aktiviti riadah – sesuai untuk pelbagai lapisan masyarakat

Isi 1

Wadah perpaduan kaum di Malaysia – mengetepikan perbezaan ideologi

Isi 2

Menjadikan diri lebih sihat – kadar kalori dikurangkan – bersukan atau beriadah

Isi 3

Mengurangkan tekanan – melepaskan tekanan – bersama-sama rakan

Penutup

Manfaatkan masa dengan bersukan – walau sesibuk mana pun

Ulasan Cemerlang

- Hal ini dikatakan demikian kerana kita dapat bergembira dan melepaskan tekanan bersama-sama rakan.
- Ingatlah, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
- Sukan menjadi wadah perpaduan kaum di Malaysia.
- Apabila kita bersukan kadar kalori dalam badan dapat dikurangkan.

Sukan merupakan aktiviti riadah yang sesuai dilakukan oleh pelbagai lapisan masyarakat.

(1) _____

Hal ini dibuktikan apabila kita mengetepikan perbezaan ideologi semasa menyokong pasukan negara yang bertanding di peringkat antarabangsa. Sukan juga menjadikan seseorang lebih sihat. (2) _____

Selain itu, kita juga mampu mengurangkan tekanan yang dialami dengan melakukan aktiviti berjoging atau bermain futsal. (3) _____

Oleh hal yang demikian, manfaatkan masa yang ada walaupun sesibuk mana pun kita. (4) _____